



BEH (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul.

Ibu bapa, dua anak proses ketamin di rumah kena tangkap

Kuala Lumpur: Pasangan suami isteri dan dua anak mereka merupakan antara enam individu yang ditahan kerana disyaki mengedar pelbagai jenis dadah dianggar bernilai RM328,385 di sekitar Lembah Klang pada Isnin lepas.

Semua suspek yang berusia lingkungan 18 hingga 47 tahun itu ditahan di sebuah kondominium di Jalan Kuching dan sebuah rumah teres di Taman Indah, Kepong di sini.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, semua suspek yang merupakan warga tempatan itu bergiat aktif dalam kegiatan berkenaan sejak setahun lalu.

Beliau berkata, modus operandi yang digunakan suspek empat sekeluarga itu menghantar bekalan dadah kepada dua lagi suspek lain untuk dijual.

"Mereka (empat sekeluarga) itu juga akan menghantar (bekalan dadah) terus

kepada pelanggan tetap, yang terdiri daripada kawan rapatnya di tempat yang ditetapkan," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul di sini.

Beh berkata, empat sekeluarga berkenaan turut memproses ketamin di rumah mereka secara kecil-kecilan untuk dijual semula.

"Selain itu, pil eramin 5 dan pil ekstasi diperoleh dari pembekal lain di tepi jalan

di Kuchai Lama di sini dan polis turut merampas wang tunai RM49,057 membabitkan semua suspek.

"Jumlah keseluruhan rampasan dadah berkenaan mampu menampung penggunaan seramai 2,045 penagih," katanya sambil menambah kes itu disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya 1952.

Beh berkata, semua suspek direman selama tujuh hari bermula Selasa lepas hingga 1 Ogos.